



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN PENGUBALAN KALENDAR  
AKADEMIK 2023/2024 PROGRAM PENGAJIAN POLITEKNIK DAN  
KOLEJ KOMUNITI**

---

- 1. Adakah institusi perlu mendapat kelulusan Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) sekiranya membuat pengubahsuaian kalendar akademik di institusi disebabkan perkara di luar jangka/bencana alam?**

Dalam situasi di luar jangkaan seperti bencana alam, institusi boleh membuat pengubahsuaian berdasarkan kalendar akademik yang berkuatkuasa dengan pemakluman kepada Ketua Pengarah (JPPKK).

- 2. Bagaimana penggunaan kalendar akademik bagi program pengajian yang masih melaksanakan tempoh pengajian 16 minggu?**

Penggunaan kalendar akademik bagi program pengajian yang menggunakan tempoh pengajian 16 minggu perlu merujuk Surat Makluman Strategi Penggunaan Kurikulum 16 Minggu Kuliah Dilaksanakan Di Dalam Kalendar Akademik 14 Minggu (No. Ruj. : JPPKK.BIPD.600-3/1/3 (12) bertarikh 14 Jun 2019).

- 3. Adakah peperiksaan akhir semester akan dilaksanakan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad?**

Ya, jika pelaksanaannya tidak dapat dielakkan.

- 4. Adakah peperiksaan akhir semester akan berlangsung pada hari cuti Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?**

Tidak.

**5. Adakah kalendar akademik program Sijil Teknologi Elektrik (Pemasangan dan Perkhidmatan) Kolej Komuniti digubal berasingan?**

Ya. Ini kerana program tersebut memerlukan latihan industri selama genap 6 bulan mengikut keperluan Suruhanjaya Tenaga.

**6. Adakah pihak JPPKK membuat perancangan untuk menyemak semula tarikh pelaksanaan semester pendek memandangkan semester pendek telah bermula sebelum keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan?**

Ya.

**7. Adakah pelaksanaan WBL pada semester 7 dan semester 8 boleh dibuat secara berterusan (tiada cuti antara semester 7 dan semester 8)?**

Secara rasminya kalendar akademik menyediakan cuti antara semester 7 dan semester 8, walau bagaimanapun pihak institusi diberi autonomi untuk menyesuaikan pelaksanaan tersebut mengikut keperluan industri dan tertakluk kepada syarat dan peraturan penilaian yang ditetapkan dalam Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Politeknik.

*\* Perkara ini juga telah dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Program Pengajian Work Based Learning (Perkara 5.13. mukasurat 60).*

**8. Adakah tempoh minggu peperiksaan akhir semester dipendekkan daripada 3 minggu kepada 2 minggu bagi Program Sarjana Muda Politeknik?**

Ya. Pelaksanaannya adalah mulai Kalendar Akademik 2023/2024.

**9. Adakah tempoh minggu ulang kaji boleh dipanjangkan daripada 1 minggu kepada 2 minggu?**

Tidak.

**10. Adakah pendaftaran pelajar bagi semester pendek dibuat sebelum keputusan rasmi sesi II diumumkan dan pengguguran kursus perlu dibuat selewat-lewatnya pada minggu kedua?**

Ya. Perkara-perkara berikut dalam Garis Panduan Semester Pendek akan diperhalusi semula :

- i. Perkara 5.2.2 (muka surat 14) - *i. Pendaftaran kursus hendaklah dibuat pada minggu PERTAMA (1) selepas tamat tempoh Peperiksaan Akhir Semester II” yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Semester Pendek” dan;*
- ii. Perkara 5.4.2 (muka surat 15) - *“Dalam keadaan tertentu, pelajar dibenarkan untuk menggugurkan kursus selewat-lewatnya pada minggu ke DUA (2) pengajian. Permohonan untuk gugur kursus selepas tarikh ini tidak dibenarkan”*

**11. Adakah tempoh minggu peperiksaan akhir semester mengambil kira cuti umum semasa minggu tersebut.**

Ya. Tempoh 3 minggu peperiksaan akhir semester diperuntukkan dengan mengambil kira cuti umum dan cuti negeri Sabah. Pihak Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN) akan menyusun jadual peperiksaan dengan sebaik-baiknya untuk tempoh tersebut.

**12. Adakah tempoh penyediaan FEIST/pembinaan item perlu mengikut Kalendar Akademik Program Pengajian.**

Ya. BPN telahpun mengeluarkan surat pembangunan FEIST program sijil, diploma dan ijazah bagi penggunaan Sesi II: 2022/ 2023. Pihak Institusi perlu merujuk arahan pengubalan soalan adalah merujuk kepada Takwim Pentaksiran BPN yang telah diselaraskan dengan Kalendar Akademik.

**13. Adakah tarikh keputusan rasmi yang hampir dengan tarikh pendaftaran pelajar memberi kesan kepada penjadualan pelajar ulang kursus?**

Ya. BPN mengambil maklum mengenai perkara ini dan keputusan rasmi akan dikeluarkan pada *minggu ketiga selepas peperiksaan akhir semester berakhir.*

~ ~ TAMAT ~ ~